

**KEDAH DALAM ZAMAN PEMERINTAHAN SULTAN BADLISHAH  
( 1943 - 1958 )**

**AINI BINTI WAN MAHMUD**



**ELJUMAH**

**ARKIB**

rb  
fAC895  
M22A296

KEDAI DALAM ZAMAN PEMERINTAHAN SULTAN ABDULISMAH  
(1943 - 1958)

(PERKEMBANGAN POLITIK DAN KEADAAN EKONOMI)

OLEH

WAN ALI BINTI WAN HABIB

LATIHAN ILMIAH

UNTUK KEMAHJUKAN

SEBAGIAN DARI PADA SYARAT-SYARAT IJAZAH  
SARJANA MUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN  
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMAHJUKAN.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

1983

UTTUK:

BAPA

EMAK

ABANG HANZAH

MUNA

MI

DID

## K A N D U N G A N

PRAKATA

SINOPSIS

PENDAHULUAN

BAB PERTAMA: PERGERAKAN POLITIK NEGERI KEDAH (1943 - 1958).

- 1.1 : SEJARAH POLITIK NEGERI KEDAH SEPINTAS LALU
- 1.2 : PERLANTIKAN SULTAN BADLISHAH DAN KEADAAN POLITIK DI NEGERI KEDAH SEMASA PENDUDUKAN JEPUN SEHINGGA TAHUN 1945.
- 1.3 : POLITIK DI KEDAH SELEPAS PERANG DI BAWAH PENTADBIRAN SULTAN BADLISHAH.

BAB KEDUA: KEADAAN EKONOMI KE NEGERI KEDAH (1943 - 1958)

- 2.1 : LATARBELAKANG EKONOMI NEGERI KEDAH.
- 2.2 : KEADAAN EKONOMI DI NEGERI KEDAH SEMASA PENDUDUKAN JEPUN.
- 2.3 : KEADAAN EKONOMI DI NEGERI KEDAH SELEPAS PENDUDUKAN JEPUN SEHINGGA KE TAHUN 1958.

KESIMPULAN.

BUKU-BUKU RUJUKAN. :

LAMPIRAN.

---

## PRAKATA

Pertamanya saya mengucapkan syukur kehadiran Allah (s.w.t) yang telah memberikan hidayahnya dan telah menganugerahkan kekuatan lahir dan bathin kepada saya di dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Walaupun saya menghadapi masalah dalam menjalankan kajian untuk latihan ilmiah ini, seperti kekurangan bahan-bahan rujukan khasnya dalam jangkamasa yang dikaji, harapan saya kajian ini akan dapat memberikan satu gambaran dan penilisan secara ringkas tentang tajuk yang saya kemukakan.

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan ribuan terimakasih saya yang tidak terhingga kepada pihak-pihak yang banyak membantu saya dalam menyiapkan latihan ilmiah ini samada dalam memberi penerangan dan juga membaca rangka latihan ilmiah saya ini sehingga siap. Saya amat berterima kasih kepada pensyarah saya Dr. R. Suntharalingam yang begitu mengambil berat dalam memsahiti saya dan membuang masa untuk meneliti semua rangka-rangka dan isi kandungan latihan ilmiah ini. Portolongan beliau banyak membantu saya untuk memperkemas kajian saya ini.

Saya juga amat berterimakasih di atas kerjasama yang diberikan oleh semua kakitangan Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara cawangan Utara, Perpustakaan Negeri Kedah, Pejabat Penerangan Negeri Kedah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang membantu saya dalam penyelidikan ini.

Sekian. Terima kasih.

Pulau Pinang.  
1hb. Februari 1983.

Wan Aini Wan Mahmud  
Pusat Pengajian Ilmu  
Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia,  
Minden.

Khasnya timbul di kalangan yang berpendidikan dan yang tidak berpuashati akan perubahan-perubahan yang cuba diadakan oleh pihak penjajah ke atas rakyat negeri ini. Dalam masa ini juga terdapat suasana politik yang begitu tegang di mana rakyat telah mula berjinak dengan parti-parti politik. Perjuangan parti-parti politik ini begitu ketara sekali di negeri Kedah pada zaman ini.

Keadaan dan perkembangan politik di zaman pemerintahan Sultan Badlishah ini dikaji dalam bab pertama latihan ilmiah ini di mana ianya merangkumi sejak dari zaman akhir pentadbiran Jepun, zaman sebelum perang dan seterusnya zaman selepas perang di mana pada masa inilah berlakunya perkembangan-perkembangan ke arah kemerdekaan.

Bab Kedua latihan ilmiah ini mengandungi latarbelakang ekonomi negeri Kedah, keadaan ekonomi semasa pendudukan Jepun dan diutarakan juga keadaan dan perkembangan ekonomi selepas perang. Dari segi ekonomi, kesan penjajah Jepun begitu ketara sekali. Perjalanan aktiviti ekonomi rakyat negeri ini telah terjejas untuk beberapa ketika akibat daripada kemusnahan peralatan ekonomi semasa perang, begitu juga dengan dasar Jepun yang cuma mementingkan makanan asasi iaitu beras untuk tentera-tentera mereka. Akibatnya perusahaan-perusahaan lain telah diketepikan. Kedatangan semula pihak British kemudiannya membawa satu lagi perubahan iaitu penumpuan aktiviti-aktiviti ekonomi bagi satu-satu kaum. Ini merupakan satu kesan yang sangat nyata akibat daripada penjajahan. Kesan daripada pembahagian ini juga merupakan satu daripada alasan utama yang membawa kepada ketidakpuasan hati penduduk negeri ini dengan tindakan pihak

## SINOPSIS:

Latihan Ilmiah ini adalah bertujuan untuk mengutarakan satu tinjauan mengenai perkembangan dan keadaan negeri Kedah semasa zaman pemerintahan Sultan Badlishah iaitu Sultan Kedah yang kedua puluh tujuh. Zaman pemerintahan baginda mengambil masa selama lebih kurang lima belas tahun iaitu dari tahun 1943 sehingga tahun 1958.

Walaupun tajuk yang diutarakan ialah mengenai Kedah di bawah zaman pemerintahan Sultan Badlishah, intipati kajian ini adalah lebih menekankan mengenai keadaan politik dan keadaan ekonomi yang boleh dianggap sebagai faktor utama yang mengubah corak pemikiran rakyat negeri ini.

Mengenai perkembangan semangat kebangsaan rakyat Negeri Kedah pada masa itu banyak dipengaruhi oleh kedatangan penjajah yang telah mula menapak di negeri ini sejak tahun 1941 lagi iaitu sebelum Sultan Badlishah memegang tampuk pemerintahan sebagai Sultan Kedah menggantikan ayahanda baginda Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882 - 1943). Dari segi politik ini cuba dibentangkan akan tindakbalas penduduk Kedah dengan kenasukan penjajah Jepun serta perubahan yang telah mereka adakan di negeri ini sepanjang pendudukan mereka dan seterusnya selepas penyerahan Jepun kepada pihak British.

Kajian ini kemudiannya meliputi zaman seterusnya dalam pentadbiran Sultan Badlishah di mana pihak British kembali semua ke Tanah Melayu dan begitu juga penempatan semula British di negeri Kedah khasnya, telah menimbulkan perbagai reaksi kepada rakyat negeri ini. Terdapat kesedaran rakyat akan tujuan British sebenarnya untuk mengeksploitasi negeri ini dan rakyatnya. Kesedaran ini

British. Jelaslah pada pandangan rakyat bahawa penjajah datang ke sini adalah bertujuan untuk mendapat kepentingan untuk mereka semata-mata tanpa mengambil kira akan kesannya ke atas perbilangan kaum di negeri ini.

Zaman pemerintahan Sultan Badlishah berakhir dengan kemangkatan baginda dalam tahun 1958. Setelah bersama-sama dengan rakyat Kedah sehinggalah rakyat negeri ini berjaya mencapai kemerdekaan, baginda dapat dianggap sebagai Sultan negeri Kedah yang banyak menghadapi cabaran dalam pemerintahan baginda. Secara umumnya dapat dikatakan bahawa negeri Kedah pada zaman yang dibicarakan ini telah terlibat dengan dua bentuk pentadbiran asing iaitu pentadbiran asing iaitu pentadbiran Jepun dan juga pentadbiran British. Kedua-dua kesan pentadbiran ini begitu memainkan peranan penting dalam terutama sekali dalam membawa rakyat dan negeri ini ke arah perubahan dari segi politik mahupun ekonomi. Walaupun kesan-kesan sosial tidak dibicarakan namun demikian secara tidak langsung kedua-dua perubahan politik dan ekonomi telah seterusnya mengubah suasana dan keadaan sosial masyarakat negeri Kedah ini sepanjang masa yang dikaji.

---

Pengenalan.Sejarah Kedah secara ringkas

Negeri Kedah ada disebut dalam hasil-hasil tulisan para pengembara Arab di abad ke 9 S.M. dan juga di dalam penulisan Cina dalam Dinasti T'ang (618 - 916 S.M.). Walau bagaimanapun tidak banyak yang diketahui mengenai Sejarah Kedah sebelum abad yang ke 15. Cuma yang diketahui ialah negeri ini terkenal dengan bijih timah dan penduduknya beragama Buddha dan pengaruh Hindu merupakan pengaruh yang utama diketika itu.

Dalam menubuhip Portugis, bertarikh 1516, Kedah digambarkan sebagai sebuah tempat di dalam empire Siam, di mana berlayat banyak kapal-kapal berlabuh untuk berdagang dalam berbagai-bagai jenis barang dagangan.

Dalam tahun 1786 S.M., Kapten Light memutuskan satu perjanjian dengan Sultan Kedah di mana Sultan menyerahkan Pulau Pinang kepada British dengan bayaran sebanyak \$5,000 setahun. Pulau Pinang kemudiannya diambil oleh British setelah bendera British berkibar di Pulau itu pada 12hb. Ogos 1786. Dalam tahun 1800, seluruhnya Seberang Perai telah diserahkan kepada pihak British dengan tambahan bayaran sebanyak \$4,000 setahun.

Pada 10hb. Mac 1809 Perjanjian Inggeris Siam telah ditandatangani di mana kekuasaan ke atas Kedah telah dipindahkan daripada Siam kepada Great Britain.

Dengan tercetusnya serangan Jepun ke atas Tanah Melayu, dalam bulan Disember 1941, negeri Kedah telah mencero bohi oleh tentera-tentera Jepun diseluruh negeri. Mulai 17hb. Disember satu pentadbiran tentera Jepun telah diwujudkan di Negeri Kedah.

Setelah pembebasan Tanah Melayu daripada pendudukan Jepun dalam tahun 1945, negeri ini sekali lagi jatuh di bawah kekuasaan British. Sultan Badlishah kemudiannya secara rasmi telah dilantik menjadi pemerintah negeri Kedah.

Kedah atau dikenali dengan nama Darul-Aman adalah sebuah negeri Melayu yang letaknya di utara pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Disebelah utara, Kedah mempunyai sempadan dengan negeri Perlis dan Siam. Sungai Sanglang pula menjadi sempadan antara Kedah dan Perlis. Di bahagian tengah mengalir Sungai Muda yang memisahkan Kedah dengan Seberang Prai (Province Wellesly). Sungai Krian pula menjadi sempadan antara negeri Kedah dengan negeri Perak.

Luas negeri ini ialah 3,045 batu persegi, merangkumi Pulau Langkawi dan beberapa pulau lain. Panjangnya dari utara ke selatan lebih kurang 105 batu dan tempat yang paling lebar ialah 40 batu.<sup>1</sup>

Negeri Kedah ini sering dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Kedah Utara dan Kedah Selatan. Kedah Utara

---

1. The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government, 1909-1910, Government Printing Press, 1911.

terdiri dari daerah Pulau Langkawi, Kubang Pasu, Padang Terap, Kota Star dan Yan. Sementara Kedah Selatan pula terdiri dari daerah Kuala Muda, Baling, Kulim dan Kerian.<sup>2</sup> Hanya terdapat tiga tanah tinggi iaitu Gunung Jerai yang tingginya 3,986 kaki, Bukit Perak 2,820 kaki dan Gunung Raya di Pulau Langkawi tingginya 2,950 kaki. Oleh kerana keadaan muka buminya yang agak rata inilah Kedah terkenal sebagai sebuah negeri pertanian atau lebih dikenali sebagai Jelapang Padi Malaysia. Lantaran kedudukan negeri Kedah yang terletak di garisan lintang (latitude)  $5^{\circ} 05'$  hingga  $6^{\circ} 40'$  Utara dan di antara garis bujur (longitude)  $99^{\circ} 40'$  hingga  $101^{\circ} 10'$  Timur ini telah memperkukuhkan Kedah sebagai sebuah negeri pertanian.

Petutunan raja-raja negeri Kedah adalah berasal dari Parsi.<sup>3</sup> Sebelum Kedah diperintah mengikut sistem beraja, ia hanya dikuasai oleh ketua-ketua kaum orang Melayu yang dilantik dari kalangan mereka sendiri. Masyarakatnya terdiri dari orang-orang Melayu yang bekerja sebagai petani, nelayan dan pengumpul hasil-hasil hutan. Ramai juga orang-orang Siam dan Burma tinggal menetap di sini setelah berkahwin dengan penduduk tempatan, dan bekerja tetap. Negeri Kedah disebut "Qalha". Dalam bahasa Sanskrit disebut "Kataha"; orang Tamil menyebutnya Kadaram atau Kidaram dan orang Cina menyebutnya "Kie-tc'a" atau "Cieh-c'a".<sup>3</sup>

Salasilah raja-raja negeri Kedah ini boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu diperingkat

- 
- 2) The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government 1910-1924, Government Printing Press, 1925.
  - 3) Buyung Adil Haji, Sejarah Kedah. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hal. 1

sebelum Islam dan diperingkat sesudah Islam. Raja Kedah yang pertama berasal dari Parsi dan dikenali sebagai Maharaja Debar Raja 1. Beliau menjadi raja negeri Kedah dalam tahun 630 M. Maharaja Debar Raja 1 diganti oleh keturunannya sehinggalah sampai kepada Raja Muzaffar Shah 1 di mana baginda merupakan raja Kedah yang pertama memeluk agama Islam. Baginda memerintah Kedah di antara tahun 1138 - 1176 M. Seterusnya selepas kemangkatan baginda Sultan Muzaffar Shah, teraju pemerintahan negeri Kedah telah dipegang oleh keturunan baginda sehinggalah sampai kepada zaman Sultan Badlishah iaitu dalam tahun 1943. Baginda merupakan pemerintah negeri Kedah yang kedua puluh tujuh setelah konasukan agama Islam ke negeri ini.

Sultan Badlishah menaiki takhta junjungan ketika negeri Kedah khasnya dan Tanah Melayu amnya masih di bawah pemerintahan tentara Jepun. Perlantikan baginda telah dipersetujui oleh pihak Jepun setelah ayahanda baginda iaitu almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah mangkat pada 13hb Mei 1943. Baginda meneruskan tampuk pemerintahan di bawah kekuasaan dan pemerhatian pihak Jepun.

Sehingga lhb. April 1946, bila Pentadbiran Awam diwujudkan semula diseluruh Malaya, negeri Kedah adalah tertakluk di bawah seorang pegawai bergelar Residen Komissioner yang mengambil alih peranan State Council.

Untuk memudahkan kerajaan negeri, Kedah telah dibahagikan kepada 9 daerah di mana dalam tiap-tiap satunya mempunyai satu Lembaga Perbandaran mengandungi ahli-ahli

rasmi dan tidak rasmi yang dilantik oleh President State Council. Ahli-ahli tidak rasmi dipilih untuk mewakili berbagai bangsa dan masalah di tiap-tiap daerah. Lembaga Perbandaran ini adalah bertanggungjawab ke atas pemasangan lampu-lampu jalan, pembersihan, menentukan kadar bayaran cukai dan pentadbiran awam dan menentukan undang-undang semasa.

Negeri Kedah mempunyai penduduk yang berbilang bangsa terdiri dari orang-orang Melayu, Cina, India dan sebilangan bangsa-bangsa campuran yang lain.

Kedah di bawah zaman pemerintahan Sultan Badlishah mengalami perbagai-bagai bentuk cabaran terutamanya di-masa pendudukan Jepun. Pada masa ini negeri Kedah seringkali menghadapi perbagai masalah samada dari segi ekonomi, Sosial mahupun politik. Ekonomi Kedah menjalari perbagai peringkat perubahan turun naik dalam hasil-hasil pengeluaran utama terutamanya padi dan getah. Kesan-kesan peperangan menjadikan keadaan pertanian tidak tetap dan tenang. Begitu juga dengan penduduk-penduduk negeri Kedah yang terpaksa menghadapi perbagai dilema dalam masa kehadiran Jepun di negeri ini. Dan selepas itu rakyat Kedah turut mengalami kesan-kesan perubahan dalam pentadbiran dan penyusunan semula pemerintahan selepas kedatangan semula pihak British ke negeri ini. Ringkasnya dalam zaman Sultan Badlishah, Kedah melalui perbagai tahap perubahan-perubahan sebelum ianya ujud sebagaimana sekarang. Sultan Badlishah memerintah daripada tahun 1943 sehinggalah baginda mangkat pada tahun 1958.